*PERASMIAN MAJLIS*

# "ANUGERAH PENYAMPAIAN SIJIL KEPUJIAN DEKAN DAN WATIKAH PERLANTIKAN MPP"

8 Januari 2003

Hotel Puteri Resort, Melaka

*Teks Ucapan :*


**Y BHG. DATUK PROF. DR.**

**MOHD RUDDIN BIN ABD. GHANI,**

**REKTOR KUTKM**


© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WRT. WBH. DAN SALAM SEJAHTERA.

YANG BERUSAHA SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

YANG BERBAHAGIA PROF. ISMAIL HASSAN, TIMBALAN REKTOR AKADEMIK,

YANG BERBAHAGIA PROF. DR AZHARI SALEH, TIMBALAN REKTOR PEMBANGUNAN DAN PERANCANGAN KORPORAT,

YANG BERBAHAGIA PROF. MADYA DR. HJ. SU'AIDI DATO' SAFEI, DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA,

DEKAN-DEKAN FAKULTI,

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

AHLI-AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA MAJLIS,

STAF-STAF KUTKM,

YANG DIPERTUA DAN EXCO-EXCO MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SERTA MAHASISWA-MAHASISWI YANG DIKASIHI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN IZINNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERHIMPUN DI SINI DALAM SATU MAJLIS YG CUKUP BERMAKNA, KHUSUSNYA BAGI PARA PELAJAR KUTKM. MUNGKIN BELUM TERLEWAT UNTUK SAYA UCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH DI ATAS KEJAYAAN SAUDARA DAN SAUDARI MENGEKALKAN PRESTASI DAN PENCAPAIAN AKADEMIK YANG CEMERLANG SEPANJANG SESI PENGAJIAN DI SINI. SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MENGUCAPKAN SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2003 KEPADA HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN, MUDAH-MUDAHAN AZAM DAN TEKAD KITA SELAMA INI BERTERUSAN DAN SENTIASA BEROLEH KEJAYAAN, INSYA ALLAH.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN.

DALAM MENGHADAPI CABARAN PENDIDIKAN HARI INI, KITA DAPATI SEMUA IPTA DAN IPTS BERLUMBA-LUMBA MENGHASILKAN GRADUAN YANG BENAR-BENAR MAMPU BERSAING DI SEMUA PERINGKAT; BUKAN SAHAJA TAHAP PENCAPAIAN AKADEMIK YANG CEMERLANG BAHKAN JUGA KEPIMPINAN PELAJAR YANG UNGGUL SETIAP IPT TERSEBUT DAPAT DIPERTAHANKAN DI SAMPING MELETAKKAN IMEJ DAN REPUTASI SETARAF DENGAN IPT-IPT LUAR NEGARA.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

JUSTERU, DENGAN KEKUATAN YANG ADA, KUTKM BERHASRAT AGAR PARA PELAJARNYA TIDAK KETINGGALAN DALAM ARUS YANG SERBA CANGGIH DAN MODEN INI SERTA DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB MEMAINKAN PERANAN YANG TELAH DIAMANAHKAN. WARGA PELAJAR KUTKM YANG MERUPAKAN KELOMPOK MAJORITI DAN ASET UNIVERSITI, SAYA PERCAYA KITA MAMPU MEMASTIKAN NAMA KUTKM ITU SENDIRI TERUS MENJADI PERHATIAN DAN TARIKAN PELBAGAI PIHAK.

SAYA AMAT BERHARAP AGAR PARA PELAJAR MENUMPUKAN PERHATIAN SEPENUHNYA TERHADAP PELAJARAN DAN PEMBINAAN JATI DIRI, TIDAK PULA MEMBUANG MASA DENGAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG KURANG

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

SIHAT DAN TIDAK MEMBERI MANFAAT BERSAMA.

PELAJAR YANG CEMERLANG ADALAH PELAJAR YANG BIJAK MENGGUNAKAN MASANYA, YANG KOMPETEN, YANG SENTIASA BERDAYA SAING BAGI MENDAPATKAN PENGHASILAN DAN OUTPUT YANG LEBIH BAIK LAGI BERMUTU.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

KITA JUGA BOLEH BERBANGGA KERANA JUMLAH PELAJAR KITA YANG MENERIMA ANUGERAH KEPUJIAN DEKAN INI AGAK RAMAI DIBANDINGKAN DENGAN JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR YANG ADA. KALAU KITA LIHAT DI IPT LAIN CONTOHNYA UPSI SEBAGAIMANA YANG DISIARKAN DALAM BERITA HARIAN TEMPOH HARI, LEBIH KURANG 60 ORANG SAHAJA PELAJARNYA YANG MENERIMA ANUGERAH KEPUJIAN DEKAN

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

BERBANDING KITA SERAMAI 143 ORANG. TAHNIAH SEKALI LAGI SAYA UCAPKAN.

SELAIN DARIPADA ITU, KITA JUGA BERJAYA MENCIPTA REKOD SEBAGAI IPTA PERTAMA MELANTIK KABINET MPP YANG MENANG TANPA BERTANDING UNTUK SEMUA KERUSI YANG DIPERUNTUKKAN. INI JELAS MEMBUKTIKAN BAHAWA MEREKA ADALAH DI ANTARA YANG MENEPATI CITARASA WARGA KAMPUS DAN LAYAK MEMIMPIN SEBUAH ORGANISASI BESAR YANG MEWAKILI KESELURUHAN PELAJAR.

SAYA RASA SUDAH TIBA MASANYA UNTUK KITA SAMA-SAMA BERFIKIR, MERANCANG DAN MELAKSANA PELBAGAI AKTIVITI DAN PROGRAM YANG MENJURUS KE ARAH KECEMERLANGAN DARI SEMUA ASPEK SEJAJAR DENGAN MOTO

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

KOLEJ IAITU "KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

KITA DOAKAN AGAR PERLANTIKAN MPP BARU INI DAPAT MEMBANTU DAN MENYOKONG SEBARANG USAHA YANG KITA JALANKAN DALAM MEMARTABATKAN KUTKM DI RANTAU INI. SAYA PERCAYA DENGAN PERTAMBAHAN JUMLAH EXCO DALAM MAJLIS INI SEKURANG-KURANGNYA DAPAT MEMBERI RUANG LEBIH KEPADA PARA PELAJAR DALAM MENYUARAKAN PENDAPAT DAN PANDANGAN MEREKA. JUSTERU, SOKONGAN DAN KERJASAMA SEMUA PIHAK KHUSUSNYA PARA PEGAWAI DAN STAF AMATLAH DIPERLUKAN AGAR MATLAMAT DAPAT DICAPAI TANPA SEBARANG MASALAH.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

INI ADALAH JULUNG-JULUNG KALINYA KUTKM MENGANJURKAN MAJLIS SEPERTI INI SEBAGAI SATU PENGHARGAAN DAN TANDA SOKONGAN KAMI YANG TIDAK BERBELAH BAGI KEPADA SEMUA PELAJAR YANG PRIHATIN BERUSAHA MEREKOD KEJAYAAN DALAM SEMUA ASPEK. SEMOGA IA AKAN MENINGKATKAN LAGI SEMANGAT PARA PELAJAR DALAM MENGHARUNGI ONAK DAN DURI, SUKA DUKA KEHIDUPAN DI KAMPUS KUTKM.

AKHIR KATA, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA MERASMIKAN MAJLIS: " ANUGERAH PENYAMPAIAN SIJIL KEPUJIAN DEKAN DAN WATIKAH PERLANTIKAN MPP SESI 2002/2003 ".

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka